

31/01/2002

`PM ambil berat kemajuan Islam'

KUALA LUMPUR, Rabu - Ketua Gerakan Murabitum Sedunia, Prof Rais Umar Ibrahim Vadillo berkata, rakyat Malaysia beruntung kerana mempunyai Perdana Menteri yang mengambil berat kemajuan Islam.

Beliau berkata, ini dibuktikan dengan kesungguhan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahukan Dinar Islam dijadikan sebagai kaedah pembayaran di pasaran antarabangsa bagi perdagangan dua hala atau pelbagai hala antara negara.

Katanya, minat mendalam Dr Mahathir itu juga membuktikan beliau mementingkan kebajikan umat Islam terutama golongan miskin.

"Walaupun bukan rakyat Malaysia, saya berbangga kerana ada pemimpin Islam seperti beliau.

"Saya berharap golongan profesional di negara ini mengkaji secara mendalam apa yang dicadangkan Perdana Menteri yang mahu dinar Islam dijadikan mata wang utama dunia," katanya ketika menyampaikan ceramah mengenai Dinar Islam di Universiti Islam Antarabangsa (UIA) di Gombak, hari ini.

Rais Umar adalah Presiden Eksekutif dan Pengasas Islamic Mint, iaitu pengeluaran mata wang dinar berasaskan emas tulen yang berpangkalan di Sepanyol.

Islamic Mint ditubuhkan pada 1990 untuk memperkenalkan kembali penggunaan mata wang dinar yang 100 peratus berasaskan emas serta dirham selaras dengan tuntutan Islam.

(END)